



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI EKONOMI**

**PROGRAM KEPIMPINAN DIGITAL:
MEMBERDAYA EKONOMI DIGITAL KE ARAH PELAKSANAAN
GOVTECH**

Ekonomi digital adalah salah satu dari sektor bernilai tinggi dengan pertumbuhan pesat (High Growth, High Value atau HGHV) yang akan memacu ekonomi negara di bawah kerangka Ekonomi Madani. Kemajuan ekonomi digital pula memerlukan pemberdayaan sektor awam melalui pemodenan perkhidmatan awam menggunakan aplikasi teknologi dan data (atau “govtech”).

Kementerian Ekonomi berfungsi sebagai pemudahcara kepada inisiatif ekonomi digital negara yang merentasi pelbagai kementerian melalui Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri Ke-4 (MED4IR) yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri. Melalui MED4IR, kerajaan mengambil pendekatan bersepadu untuk membangunkan ekosistem ekonomi digital melalui kaedah dasar, inisiatif dan pendanaan yang melibatkan sektor awam dan swasta.

Kesemua matlamat ini memerlukan kepimpinan organisasi awam dan swasta yang berupaya menangani cabaran mutakhir dalam teknologi dan pendigitalan. Negara memerlukan kepimpinan kementerian-kementerian yang mempunyai kepakaran digital yang tinggi supaya dasar dan inisiatif kerajaan

berteraskan pendekatan digital dan teknologi, terutamanya dalam melaksanakan peralihan kepada govtech.

Oleh itu, ada keperluan segera untuk mewujudkan program kepimpinan digital kepada penjawat awam dan swasta di peringkat pengurusan tertinggi.

Usaha ini diterjemahkan melalui satu kerjasama strategik di antara Kementerian Ekonomi (melalui agensinya MyDIGITAL Corporation), institusi akademik terkemuka, Asia School of Business (ASB)/MIT Sloan Management dan syarikat-syarikat teknologi terbesar di dunia yang berganding bahu menganjurkan Program Kepimpinan Digital Eksekutif (EDL).

Saya mengucapkan terima kasih atas kesediaan Rakan Strategik Teknologi (Technology Immersion Partners), termasuk pemimpin industri seperti Amazon Web Services, Google Cloud, IBM, Microsoft, dan Shopee yang bersama-sama menjayakan pengisian program kepimpinan digital untuk pengurusan tertinggi sektor awam dan swasta ini.

Program EDL ini dirangka untuk mencapai tiga keperluan utama dalam usaha membina ekonomi digital yang berdaya saing:

- Memberdayakan pengurusan tertinggi dalam sektor awam dan swasta dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengemudi ekonomi digital ;
- Mengembangkan proses pendigitalan di sektor awam dan swasta dengan lebih cepat bermula dari pengurusan kanan organisasi awam dan swasta ; dan
- Mengharmonikan dasar kementerian-kementerian dan agensi kerajaan untuk memenuhi kehendak dan arus perubahan sektor swasta berhubung pendigitalan dan penggunaan teknologi.

EMBARGO SEHINGGA 24 OGOS 2023, 4:00 PETANG

Program selama tiga bulan ini menawarkan pengalaman pembelajaran yang dikendalikan oleh ASB dan MIT Sloan. Pengurusan kanan sektor awam dan swasta yang menyertai EDL ini juga akan melalui modul-modul “immersive learning” yang dikendalikan oleh Rakan Strategik Teknologi (syarikat-syarikat teknologi terbesar dunia) untuk memberi mereka peluang memahami bagaimana syarikat teknologi dunia dibangunkan dan diuruskan, terutamanya dalam menjana inovasi dan kreativiti.

Permohonan kini dibuka kepada calon-calon yang berminat. Maklumat lanjut boleh diperolehi di

<https://www.mydigital.gov.my/executive-digital-leadership-programme/> .

RAFIZI RAMLI
24 OGOS 2023